A

# Mohd Fazil bin Zainul Abidin lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN JENAYAH NO 41S-116 TAHUN 2009
MOHD AMIN FIRDAUS PK
15 DECEMBER 2009

C

*Prosedur Jenayah — Hukuman — Faktor mitigasi — Pengakuan bersalah — Tertuduh tidak ingin membuat rayuan — Kegagalan majistret menyedarkan tertuduh implikasi kegagalan mengemukakan mitigasi — Sama ada memudaratkan kepentingan tertuduh*

D

*Prosedur Jenayah — Pengakuan bersalah — Fakta kes — Kegagalan pendakwaan mengemukakan fakta kes — Tertuduh disabitkan berdasarkan fakta kes seperti dalam pertuduhan — Sama ada fakta kes mencukupi — Sama ada mengakibatkan ketidakadilan — Sama ada ketidakadilan boleh dipulihkan oleh s 422 Kanun Prosedur Jenayah*

E

*Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Kegagalan pendakwaan mengemukakan fakta kes — Kegagalan majistret menyedarkan tertuduh implikasi kegagalan mengemukakan mitigasi — Sama ada mengakibatkan ketidakadilan — Sama ada ketidakadilan boleh dipulihkan oleh s 422 Kanun Prosedur Jenayah*

F

Perayu telah dituduh di bawah s 411 Kanun Keseksaan dengan kesalahan menyimpan harta curi iaitu sebuah motokar. Menurut nota keterangan, setelah pertuduhan dibacakan dan diterangkan kepada perayu, dia telah mengaku

G

salah. Pihak pendakwaan kemudiannya telah mengemukakan fakta kes sepertimana yang terdapat dalam pertuduhan tersebut. Perayu tidak membuat rayuan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara lapan bulan dan denda RM5,000. Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman. Pihak perayu berhujah bahawa fakta kes yang penting tidak disediakan semasa perbicaraan

H

dijalankan di mahkamah majistret. Juga, tidak ada keterangan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa kenderaan berkenaan telah hilang. Dua laporan polis tidak dibacakan kepada perayu. Nombor enjin dan chassis kenderaan yang terlibat tidak dinyatakan dalam laporan polis tersebut. Laporan polis juga telah menyatakan yang perayu ditahan di perkarangan Balai

I

Polis, Seberang Perai Tengah yang berlainan dengan kandungan yang disebut di dalam kertas pertuduhan.

**Diputuskan**, membenarkan rayuan:

(1) Majistret telah khilaf dari segi undang-undang kerana terus mendapati

perayu bersalah dan mensabitkannya hanya berpandukan kepada fakta kes yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan tanpa menunggu atau mengarahkan fakta kes dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Tindakan sedemikian telah pun mengakibatkan suatu ketidakadilan kepada perayu dan ianya tidak dapat dipulihkan oleh s 422 Kanun Prosedur Jenayah (lihat perenggan 18 & 20).

(2) Kertas pertuduhan hanya menyatakan fakta kes yang minima dan ia adalah tidak mencukupi bagi memberitahu perayu mengenai bagaimana dia diheret ke dalam kes ini. Kertas pertuduhan yang mengandungi fakta kes yang dikatakan bukanlah suatu pernyataan fakta (lihat perenggan 30–31).

(3) Sungguhpun perayu tidak ingin membuat rayuan, mahkamah majistret seharusnya menyedarkan dia tentang implikasi kegagalan untuk mengemukakan mitigasi kerana mahkamah mungkin mengambilkira yang menyebelahi perayu sebelum memutuskan jenis dan tempoh hukuman yang akan dijatuhkan. Kegagalan berbuat sedemikian juga telah memudaratkan kepentingan perayu (lihat perenggan 33–34).

(4) Sabitan dan hukuman perayu diketepikan dan perayu diarahkan supaya dibicarakan semula di hadapan seorang majistret yang baru (lihat perenggan 36).

**[English summary**

The appellant was charged under s 411 of the Penal Code with the offence of retaining stolen property ie a car. According to the notes of evidence, upon the charge being read and explained to the appellant, he had pleaded guilty. The prosecution thereafter had adduced the facts of the case as contained in the charge. The appellant did not appeal and the court imposed the sentence of eight months imprisonment and fine of RM5,000. The appellant appealed against the conviction and sentence. The appellant contended that the important facts of the case was not prepared during the trial proceedings in the magistrate court. Also, there was no evidence from the Road Transport Department that the vehicle was missing. The two police report was not read to the appellant. The engine and chassis number of the vehicle involved had not been stated in the police report. The police report also stated that the appellant was apprehended in the compound of the Police Station, Seberang Perai Tengah which was different from the contents in the charge sheet.

**Held**, allowing the appeal:

(1) The magistrate had erred in law for having found the appellant guilty and convicting him merely based on the facts of the case as stated in the charge sheet without waiting for or directing the facts of the case to be

produced by the prosecution. Such act resulted in injustice to the appellant and it is not curable under s 422 of the Criminal Procedure Code (see paras 18 & 20).

(2) The charge sheet only stated the minimal facts of the case and it was insufficient to inform the appellant as to how he was dragged into this case. The charge sheet which contained the facts of the case stated was not statement of facts (see paras 30–31).

(3) Although the appellant did not want to appeal, the magistrate court should have explained to him of the implication of the failure to present the mitigation as the court may take into the considerations in favour of the appellant before deciding the type and duration of the sentence to be imposed. The failure to do so had also prejudiced the appellant's interest (see paras 33–34).

(4) The conviction and sentence of the appellant was set aside and the appellant had been directed to be tried again before a new magistrate (see para 36).]

**Nota-nota**

Untuk kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 176.

Untuk kes-kes mengenai faktor mitigasi, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3804–3836.

Untuk kes-kes mengenai pengakuan bersalah secara am, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 2572–2582.

**Kes-kes yang dirujuk**

*Abdul Kadir bin Abdul Rahman v PP* [1984] 1 MLJ 80, MT (dirujuk)

*Lian Kian Boon v PP* [1991] 1 MLJ 51, MT (dirujuk)

*Mohammad bin Hassan v PP* [1998] 5 MLJ 65; [1997] 1 CLJ Supp 489, MT (dirujuk)

*Norshaharin @ Norshaharin bin Mat v Pendakwa Raya* [2001] MLJU 631; [2002] 5 CLJ 492, MT (dirujuk)

*Palan v The Public Prosecutor* [1932] MLJ 124, MT (dirujuk)

*PP v Mahmud* [1974] 1 MLJ 85, MT (dirujuk)

*PP v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116, MT (dirujuk)

*PP v Soon Tiew Choon* [1976] 1 MLJ 189, MT (dirujuk)

*Tukiran bin Taib v PP* [1955] MLJ 24 (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Kanun Keseksaan s 411

Kanun Prosedur Jenayah ss 305, 422

*Sivakumar (VS Kumar & Co) bagi pihak perayu.*
*Shakila Banu bt Sheik Allaudeen (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pulau Pinang) bagi pihak responden.*

**Mohd Amin Firdaus PK:**

LATAR BELAKANG

**[1]** Pada 21 Julai 2009 di Mahkamah Majistret Bukit Mertajam, perayu dituduh dengan pertuduhan yang berikut:

> Bahawa kamu pada 10.07.2009 jam lebih 6.30 petang bertempat di rumah No. 2A, Lorong Buntar 2, Taman Buntar Indah 14300 Nibong Tebal, di dalam Negeri Pulau Pinang, dengan curang telah menyimpan harta curi iaitu sebuah motokar No WMN 9639, jenis Toyota Altezza, warna silver, yang bernilai RM 100,000/- kepunyaan Day Hoong Ming, KP No 771114076137, yang telah dilaporkan hilang bersangkut Seberang Jaya Repot 2242/09 di bawah jambatan di Jalan Perai, Perai, di dalam daerah Seberang Perai Tengah, di dalam Negeri Pulau Pinang, dengan setahu kamu atau mempunyai sebab dipercayai barang curi. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen 411 Kanun Keseksaan.

**[2]** Menurut nota keterangan, setelah pertuduhan tersebut dibacakan dan diterangkan kepada perayu, beliau mengaku salah dan faham sifat dan akibat pengakuan bersalahnya.

**[3]** Penelitian nota keterangan yang ringkas dan bertarikh 21 Julai 2009 juga menunjukkan bahawa pihak pendakwa kemudian mengemukakan fakta kes sepertimana terdapat dalam pertuduhan tersebut iaitu P1.

**[4]** Seterusnya laporan polis 'Perai' No 2242/09 iaitu P2 dikemukakan. Yang sebenarnya dan yang tepat ialah Repot Seberang Jaya No 2242/09. Laporan Polis Nibong Tebal No 4034/09 iaitu P3 juga dikemukakan.

**[5]** Akhirnya enam keping gambar (P4 A–F) dikemukakan.

**[6]** Sekali lagi berpandu kepada nota keterangan, perayu tidak ingin membuat rayuan dan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara lapan bulan daripada tarikh penangkapan dan juga didenda RM5000 dan jika mungkir membayar, lima bulan penjara.

**[7]** Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman.

PERINGKAT RAYUAN

**[8]** Sebelum peguambela yang bijaksana memulakan dengan

penghujahannya, mahkamah menarik balik perhatiannya kepada peruntukan s 305 Kanun Prosedur Jenayah dan bertanya beliau memandangkan perayu telah pun mengaku salah, bolehkah perayu masih merayu terhadap sabitannya.

**[9]** Seksyen 305 tersebut berbunyi:

> When an accused person has pleaded guilty and been convicted by a magistrate on that plea, there shall be no appeal except to the extent or legality of the sentence.

**[10]** Beliau tidak dapat memberi suatu penghujahan yang menyakinkan dan juga tidak mengemukakan apa-apa nas untuk menyokong penghujahannya.

**[11]** Namun begitu, mahkamah membiarkan beliau meneruskan dengan penghujahannya terhadap sabitan supaya tidak membuang masa kehakiman. Keputusan mahkamah mengenai isu ini akan diberikan nanti.

PENGHUJAHAN PEMBELAAN

**[12]** Penghujahannya ditumpukan perhatian kepada merit kes perayu. Beliau berhujah bahawa fakta kes yang penting tidak disediakan semasa perbicaraan dijalankan dalam mahkamah majistret.

**[13]** Tidak ada keterangan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa kenderaan No WMN 9639 telah hilang.

**[14]** Terdapat dua laporan polis yang tidak dibacakan kepada perayu. Nombor enjin dan chassis kenderaan yang terlibat tidak dinyatakan dalam laporan polis tersebut.

**[15]** Laporan polis menyatakan perayu ditahan di pekarangan Balai Polis, Seberang Perai Tengah yang berlainan dengan kandungan yang disebut di dalam kertas pertuduhan.

PENGHUJAHAN PIHAK PENDAKWAAN

**[16]** Pihak pendakwa mengakui bahawa tidak ada fakta kes dikemukakan walau bagaimanapun pertuduhan ada dibacakan. Yang arif timbalan pendakwa raya berhujah bahawa 'Tendering of facts of case is a practice and not a rule of law'.

**[17]** Namun begitu, kegagalan mengemukakan fakta kes masih boleh dipulihkan oleh s 422 Kanun Prosedur Jenayah.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

*Ketiadaan fakta kes*

**[18]** Setelah mendengar hujah daripada kedua-dua belah pihak, mahkamah berpendapat bahawa Yang Arif Tuan Majistret telah khilaf dari segi undang-undang kerana terus mendapati perayu bersalah dan mensabitkannya hanya berpandu kepada fakta kes yang dinyatakan dalam kertas pertuduhan tanpa menunggu atau mengarahkan fakta kes dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

**[19]** Pada asasnya, fakta kes sungguh pun ringkas boleh membantu Yang Arif Tuan Majistret menilai suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan.

**[20]** Tindakan sedemikian telah pun mengakibatkan suatu ketidakadilan (a miscarriage of justice) kepada perayu dan pada pandangan mahkamah ini ia tidak dapat dipulihkan oleh s 422 Kanun Prosedur Jenayah.

**[21]** Dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor* [1996] 3 MLJ 116, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi KC Vohrah memutuskan bahawa lazimnya selepas seorang tertuduh mengaku salah kepada suatu pertuduhan, prosiding seterusnya ialah bagi pihak pendakwa mendedahkan fakta kes atau keterangan kes.

**[22]** Pengecualian ialah kesalahan yang kecil atau pertuduhan sendiri sudah membentangkan fakta kes. Beliau merujuk kepada kes *Palan v The Public Prosecutor* [1932] MLJ 124 dan *Tukiran bin Taib v Public Prosecutor* [1955] MLJ 24.

**[23]** Dalam kes *Palan v The Public Prosecutor* [1932] MLJ 124 mahkamah berpendapat bahawa:

> An appeal court must have some evidence taken by the trial judge to indicate the nature and quality of the criminal act for which the sentence is given. Without that evidence, we cannot be in a position to say whether the sentence is fair or not.

**[24]** Dalam kes *Public Prosecutor v Muhari bin Mohd Jani & Anor*, Yang Arif hakim tersebut menambah bahawa suatu pernyataan fakta akan menunjukkan kesalahan yang dinyatakan dalam pertuduhan telah dibuktikan dan jika mahkamah mendapati bahawa kesalahan dibuktikan berdasarkan pengakuan bersalah, fakta yang ringkas seharusnya membantu mahkamah mengambil kira

faktor yang relevan apabila ia menilai hukuman yang akan dijatuhkan. Beliau merujuk kepada kes *Abdul Kadir bin Abdul Rahman v Public Prosecutor* [1984] 1 MLJ 80.

**[25]** Di samping itu, kes *Public Prosecutor v Soon Tiew Choon* [1976] 1 MLJ 189, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa:

> It is elementary but nonetheless fundamental that when an accused pleads guilty to a charge, the brief facts given by the prosecution must reflect the time and essential elements in the charge.

**[26]** Dalam kes *Lian Kian Boon v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 51, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa pihak pendakwa sepatutnya memaparkan fakta yang dapat membuktikan dan fakta perlu untuk membuktikan pertuduhan.

**[27]** Kes *Public Prosecutor v Mahmud* [1974] 1 MLJ 85 berpendapat bahawa fakta dikemukakan bagi melihat sama ada seorang tertuduh mengaku salah kepada fakta berkenaan.

**[28]** Dalam kes *Mohammad bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 5 MLJ 65; [1997] 1 CLJ Supp 489, Mahkamah Tinggi, Yang Arif hakim memutuskan bahawa:

> When recording the facts, the magistrate will also have to record the accused's admission or denial. The accused's answer on the accuracy of the facts should be recorded. It is not essential, however, that the accused should admit every iota of facts given by the prosecution. If what he admits contains all the ingredients of the offence and what he disputes or does not admit is irrelevant or immaterial to the offence, such an admission is sufficient and the court should accept the plea. The record must show that the magistrate himself read and examined the facts of the case to see whether they were conformable with the law and in support of the charge as the record must speak for itself.
>
> If the facts admitted to do not constitute the offence charged, the magistrate will then have to consider whether to discharge the accused or enter a plea of not guilty and proceed to trial. In no event should the court acquit the accused if the facts do not disclose an offence.
>
> In the instant case, the record does not show that the facts were explained to the accused. It also cannot be said with certainty that the facts as contained in exh P2 were admitted by the accused. These breaches violate s 173(b) of the Criminal Procedure Code.
>
> Section 173(m)(2) of the Criminal Procedure Code requires the court to accept the plea of guilty. A plea of guilty is recorded when the accused pleads guilty after the charge has been read and explained to him and the court accepts the plea when it is satisfied that the accused understands the nature and consequences of his plea. This will be done after the accused has admitted the facts.

**[29]** Dengan memakaikan kesemua nas yang tersebut, adalah begitu jelas bahawa suatu ketidakadilan telah pun berlaku semasa perayu mengaku salah dan tidak diwakili oleh seorang peguambela. Beliau hanya mendapatkan perkhidmatan peguambela pada waktu petang hari yang sama.

**[30]** Mahkamah memerhatikan bahawa kertas pertuduhan hanya menyatakan fakta kes yang minima dan ia adalah tidak mencukupi bagi memberitahu perayu mengenai bagaimana beliau diheret ke dalam kes ini.

**[31]** Berpandu kepada nas *Mohammad Hassan v Public Prosecutor* tersebut, 'Failure to take evidence or a statement of the facts and record them will result in the conviction being quashed'. Yang Arif Tuan Majistret dalam kes ini gagal berbuat sedemikian. Kertas pertuduhan yang mengandungi fakta kes yang dikatakan bukanlah suatu pernyataan fakta.

**[32]** Tanpa fakta kes, mahkamah juga meragui sama ada intipati kesalahan iaitu 'setahu kamu' atau 'mempunyai sebab dipercayai barang curi' yang dikehendaki oleh peruntukan s 411 Kanun Keseksaan dapat dipenuhi oleh pihak pendakwa.

**[33]** Di samping ini, sungguhpun perayu tidak ingin membuat rayuan, mahkamah majistret seharusnya menyedarkan beliau tentang implikasi kegagalan untuk mengemukakan mitigasi kerana mahkamah mungkin mengambilkira mitigasi yang menyebelahi perayu sebelum memutuskan jenis dan tempoh hukuman yang akan dijatuhkan.

**[34]** Kegagalan berbuat sedemikian juga memudaratkan kepentingan perayu.

SABITAN

**[35]** Nas *Mohammad Hassan v Public Prosecutor* yang telah dirujuk adalah nas yang menunjukkan bahawa terdapat pengecualian kepada peruntukan s 305 Kanun Prosedur Jenayah. Kes *Norshaharin @ Norshaharin bin Mat v Pendakwa Raya* [2001] MLJU 631; [2002] 5 CLJ 492 juga mengikut nas *Mohammad Hassan*.

**[36]** Oleh yang demikian, berdasarkan alasan tersebut, mahkamah mengenepikan pengakuan bersalah perayu dan hukuman penjara lapan bulan dan denda RM5000 dan memerintahkan bahawa perayu dibicarakan semula di hadapan seorang majistret yang baru.

*Rayuan dibenarkan.*

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum